

# SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



**Malaysia tolak dakwaan musnah hutan untuk sawit** • MUKA 4

**Pakar dunia pantau penyelidikan sawit MPOB** • MUKA 8



Majlis menandatangani memorandum persefahaman antara MPOC dan CFNA yang disaksikan Dr Mahathir dan Li Keqiang di Beijing.

## China tambah belian 1.9 juta tan minyak sawit Malaysia

→ MOU pembelian termeterai antara MPOC dan CFNA

Oleh **Yoong Jun Hao & Insyirah Mohamad Shah**  
 jhyoong@mpob.gov.my  
 insyirah@mpob.gov.my

► Beijing

Republik Rakyat China (RRC) menambah pembelian minyak sawit Malaysia sebanyak 1.9 juta tan bagi tempoh lima tahun bermula 2019 hingga 2023 dengan anggaran nilai sebanyak RM4.56 bilion.

Pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) bagi pembelian berkenaan ditandatangani

Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) di bawah Kementerian Industri Utama (MPI) dengan China Chamber of Commerce of Food-stuffs and Native Produce (CFNA) di bawah Kementerian Perdagangan RRC, di sini pada 25 April lalu.

MOU ditandatangani Ketua Setiausaha MPI yang juga Ahli Lembaga MPOC, Datuk Dr Tan Yew Chong dan Presiden CFNA, Cao Derong.

Pemeteraian MOU disaksikan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri China, Li Keqiang.

Objektif utama MOU ini adalah untuk meningkatkan perdagangan

dan kerjasama dalam sektor minyak sawit antara China dan Malaysia.

**Kerjasama isu perdagangan**

MOU ini membabitkan penambahan pembelian minyak sawit Malaysia oleh RRC sebanyak 1.9 juta tan bagi tempoh lima tahun dengan anggaran nilai sebanyak RM4.56 bilion.

Nilai ini berdasarkan harga purata minyak sawit pada tahun 2018 sebanyak USD600/tan dan pertukaran mata wang RM4 bagi USD1.

Selain itu, RRC akan melabur di Malaysia dalam kilang biobahan api untuk pesawat (jet) tidak kurang daripada RM2 bilion (USD500 juta)

**FAKTA SAWIT**

**POKOK SAWIT** mempunyai produktiviti paling tinggi  
**DALAM DUNIA**  
 1 HEKTAR TANAH SETAHUN MENGHASILKAN:



palmoilpedia

dan lemak tepu RM200 juta (USD50 juta) tertakluk kepada kebolehpayaan pasaran.

Malaysia dan RRC akan mengadakan kerjasama dalam menangani isu perdagangan antaranya dengan menggalakkan penggunaan mata wang China, Renminbi bagi perdagangan minyak sawit, tertakluk kepada kelulusan

Bank Negara Malaysia dan sebagainya.

RRC adalah rakan dagang utama Malaysia bagi minyak sawit dan produk berasaskan sawit selepas Kesatuan Eropah (EU) dan India. Nilai eksport minyak sawit ke RRC bagi tahun 2018 adalah sebanyak 3.07 juta tan dengan nilai mencecah RM8.4 bilion.

**Sumbangan** sektor komoditi termasuk industri sawit negara adalah amat besar. Kemajuan industri sawit dalam semua sektor sudah menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Produk minyak sawit dan keluarannya yang dieksport ke lebih 200 negara turut diusahakan oleh pekebun kecil yang meliputi hampir 40 peratus pengeluarannya.

Dengan keluasan tanaman sawit negara mencecah 5.85 juta hektar, industri sawit yang menjadi tulang sektor komoditi negara menyedia sumber ekonomi dan pendapatan kepada 650,000 pekebun kecil yang menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi serta taraf hidup.

Pembangunan sektor pekebun kecil sawit sering diberi tumpuan oleh kerajaan. Kerajaan menyedia peruntukan kewangan, bantuan dan insentif untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil.

**Bantu ringankan beban kewangan**

Terkini, kerajaan melalui Kementerian Industri Utama (MPI) menyediakan dana pinjaman mudah berjumlah RM500 juta kepada pekebun kecil sawit persendirian bagi membantu meringankan beban kewangan dalam melaksanakan tanam semula sawit. Pinjaman ini disediakan kepada pekebun kecil dengan mengenakan kadar faedah rendah pada paras dua peratus setahun.

Di samping itu, kerajaan juga memperkenalkan dana pinjaman mudah berjumlah RM50 juta dengan kadar faedah dua peratus setahun bagi membiayai input dan bahan tanaman sawit yang disahkan dari baka yang berkualiti.

Usaha penggunaan anak benih berkualiti dan tanam semula sawit dijangka akan meningkatkan produktiviti, sekali gus menambah pendapatan pekebun kecil.

Selain pinjaman mudah, kerajaan juga menambah jumlah peruntukan bagi tujuan pelaksanaan pensijilan Minyak Sawit Mampam Malaysia (MSPO) sebanyak RM100 juta bagi menggalakkan lebih ramai pengusaha sawit memperoleh sijil masing-masing menjelang pelaksanaan mandatori pada 1 Januari 2020.

Pada pembentangan Belanjan 2019, kerajaan memperuntukkan RM30 juta bagi pensijilan MSPO.

Di bawah peruntukan ini, kerajaan akan menanggung sepenuhnya kos pensijilan MSPO daripada 70 peratus sedia ada bagi pengusaha sawit yang mempunyai ladang dengan keluasan 40 hingga 1,000 hektar.

**Tambah bantuan kos audit**

Kerajaan juga akan menambah bantuan untuk kos pengauditan daripada 30 peratus kepada 50 peratus. Insentif akan dibayar setelah pengusaha berjaya memperoleh sijil MSPO.

Bantuan kepada pekebun kecil sawit diperkenal atas keprihatinan kerajaan terhadap keadaan semasa yang dihadapi pengusaha sawit berikutan harga komoditi sawit yang rendah.

Penyediaan dana pinjaman mudah dan bantuan, terutama kepada pekebun kecil untuk tanam semula selaras dengan komitmen kerajaan untuk menjamin kebajikan pengusaha sawit dan pada masa sama mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar sawit mampam utama dunia.

Bagi kepentingan pihak yang terbabit dengan industri, kerajaan juga mengumumkan penangguhan duti eksport minyak sawit mentah yang berkuat kuasa pada 1 Mei hingga 31 Disember 2019.

Menurut Menteri Industri Utama, Teresa Kok, penangguhan itu dijangka akan menggalakkan eksport minyak sawit ke luar negara sekali gus ke pasaran baharu termasuk ke negara di benua Afrika, Arab dan Rusia.

Pihak industri terutama syarikat pengeluar dan pengeksport disaran menggunakan peluang ini untuk meningkatkan pengeksportan sawit ke luar negara. Melalui cara ini juga, pekebun kecil akan memperoleh manfaat secara tidak langsung.

Keprihatinan kerajaan kepada kemajuan industri sawit adalah bagi memastikan industri ini terus relevan dan kekal sebagai penyumbang ekonomi utama negara.

Oleh itu, semua pihak terbabit terutama pihak industri wajar terus menyokong usaha dilaksanakan kerajaan bagi kesejahteraan industri sawit negara.

kushairi@mpob.gov.my



**MINDA**  
Datuk Dr Ahmad  
Kushairi Din

Ketua Pengarah  
MPOB



Teresa Kok bersama pihak industri ketika forum 3-MCPDE di Bangi.

# Industri sawit bersungguh tangani 3-MCPDE

➔ Kesatuan Eropah cadang tahap 3-MCPDE untuk minyak sawit pada 2.5ppm

Oleh Dr Laziana Ahmad  
laziana@mpob.gov.my

► **Bangi**

**S**ejak kebelakangan ini, industri sawit negara menerima kritikan dalam pelbagai isu, antaranya penebangan hutan tidak terkawal, ketidakmampuan pengurusan dan kehilangan biodiversiti.

Menteri Industri Utama, Teresa Kok berkata, negara pengeluar sawit berterusan menghadapi tentangan di bawah 'Delegated Regulation' Kesatuan Eropah (EU) dalam Renewable Energy Directive II (RED II) dan isu terkini yang dibebankan kepada industri sawit adalah kandungan 3-monochloropropane-1, 2-diol ester (3-MCPDE) dan glisidil ester (GE) di dalam minyak sawit.

"Oleh itu, Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia

(MPOB) mengambil inisiatif dengan mengadakan forum bersama pihak industri sawit bagi membincang dan mencari langkah penyelesaian terhadap isu penting ini," katanya ketika merasmikan Interaksi MPOB-Industri mengenai 3-MCPDE dan Kualiti di ibu pejabat MPOB, di sini, baru-baru ini.

**Kongsi maklumat**

Katanya, isu 3-MCPDE ini adalah lebih penting berbanding isu lain kerana ini berkaitan dengan kualiti dan keselamatan makanan. "Kandungan 3-MCPDE dan GE di dalam minyak sawit yang ditapis dipercayai berpunca daripada proses selepas tuai dan fasa pemrosesan minyak sawit. Kajian yang dilakukan MPOB juga menunjukkan minyak sawit tertapis mempunyai unsur pelopor yang boleh menerbitkan 3-MCPDE dan GE".



Saya menyeru semua wakil industri untuk meningkatkan amalan pemrosesan minyak sawit untuk memenuhi standard kualiti"

Teresa Kok,  
Menteri Industri Utama

Katanya, Kesatuan Eropah (EU) kini menyediakan dua aras berbeza untuk 3-MCPDE iaitu 1.25 ppm untuk minyak isirung sawit dan 2.50 ppm untuk lain-lain minyak sayuran termasuk minyak sawit kelapa, jagung, sesawi, kacang soya dan bunga matahari.

"Aras ini lebih tinggi berbanding minyak sayuran lain dan ini memberikan persepsi negatif terhadap kualiti dan keselamatan minyak sawit".

"Melalui perbincangan antara ahli teknikal Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC), dipersetujui bahawa sepatutnya, hanya satu aras perlu diadaptasi oleh EU terhadap semua minyak sayuran.

"Saya berharap agar forum ini dapat menjadi platform untuk berkongsi maklumat dan seterusnya mengenal pasti aras 3-MCPDE yang ideal untuk membantu Kementerian menyediakan hujah rasional kepada pihak EU".

"Saya menyeru semua wakil industri termasuk peladang, pengilang dan penapis untuk bekerjasama meningkatkan amalan pemrosesan minyak sawit untuk memenuhi standard kualiti yang dikehendaki pengguna dan pengimport.

"Dengan komitmen tinggi semua pihak, saya percaya isu seperti kontaminasi pemrosesan yang spesifik seperti ini dapat di atasi," katanya.

# Pakar perubatan kerjasama dengan saintis sawit

➔ Faedah kesihatan, kebaikan minyak sawit terbukti melalui kajian saintifik

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad

watie@mpob.gov.my

Putrajaya

Golongan profesional bidang perubatan dan pemakanan digesa bekerjasama dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dalam menjalankan penyelidikan untuk mempertahankan minyak sawit daripada persepsi salah mengenai risiko kesihatan.

Gesaan disuarakan Menteri

Industri Utama, Teresa Kok ketika berucap merasmikan, Nutrition Seminar 'Living Healthy with Palm Oil' anjuran MPOB, di sini, baru-baru ini.

Teresa berkata, pakar perubatan boleh menjadi duta Malaysia untuk menyebarkan maklumat positif dan tepat kepada orang ramai.

Ini berikutan, persepsi negatif terhadap minyak sawit adalah disebabkan oleh kekurangan maklumat berkaitan kebaikan dan manfaat kesihatan.

"Apa yang dikatakan doktor penting. Jika doktor mengatakan sesuatu yang baik, semua orang akan percaya. Tetapi doktor sendiri mesti yakin mengenai penemuan penyelidikan mengenai kualiti dan khasiat minyak sawit.

"Inilah sebabnya pakar perubatan harus bekerjasama dengan saintis dan penyelidikan MPOB menjalankan kajian mengenai pesakit atau kursus perubatan," katanya.

Beliau berkata, faedah kesihatan dan kebaikan minyak sawit



Teresa Kok

terbukti secara saintifik oleh pelbagai kajian klinikal yang dilakukan oleh saintis MPOB dan institusi penyelidikan terkemuka di seluruh dunia.

### Penyelidikan bersama

"Semua penemuan saintifik menunjukkan, minyak sawit lebih baik dari segi manfaat kesihatan dan dapat meningkatkan kesihatan pengguna.

"Minyak sawit kaya dengan vitamin A dan E, beta karotena, bebas asid lemak trans serta kolesterol dan mengandungi kadar asid oleik tinggi yang

juga sumber baik pemakanan dan selamat untuk kegunaan manusia.

Teresa berkata, MPOB menjalankan penyelidikan bersama pakar perubatan tempatan dan antarabangsa untuk membuktikan manfaat kesihatan sawit.

"Antaranya adalah penyelidikan berkaitan kekurangan vitamin A dalam kalangan kanak-kanak di Afrika Selatan dan China melalui pemberian biskut yang dibuat menggunakan minyak sawit merah yang mengandungi karotena sawit sebagai ramuannya.

"Kajian ini berjaya membuktikan pengurangan insiden yang membabitkan kekurangan vitamin A dalam kalangan kanak-kanak terbahit selepas mengambil biskut berasaskan minyak sawit merah.

Penganjuran seminar khasiat pemakanan minyak sawit adalah antara inisiatif agenda nasional bagi kempen Sayangi Sawitku anjuran Kementerian Industri Utama (MPI) yang kini sedang giat berjalan.

# MPOB diiktiraf majikan prihatin

Oleh Mohd Saufi Awang

saufi@mpob.gov.my

Iph: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menerima Anugerah Majikan Prihatin peringkat Badan-Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan 2019 daripada Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CEUPACS).

Anugerah disampaikan Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran V Murugesan kepada Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din pada majlis Sambutan Hari Pekerja CEUPACS 2019 yang diadakan di Stadium Indera Mulia, di sini pada 2 Mei lalu.

Anugerah Majikan Prihatin adalah pengiktirafan kepada jabatan dan agensi kerajaan peringkat persekutuan dan negeri oleh CEUPACS bagi mengiktiraf majikan yang prihatin terhadap kebajikan dan hal ehwal kakitangan.

Datuk Dr Kushairi berkata, anugerah ini adalah pengiktirafan kepada MPOB atas tanggungjawab dan keprihatinan menjaga kebajikan warga kerja dan usaha mewujudkan keharmonian di antara majikan dan pekerja.

"MPOB memberi perhatian penting dan amat prihatin terhadap kebajikan kakitangan yang merupakan aset penting bagi memastikan usaha



Datuk Dr Ahmad Kushairi menerima Anugerah Majikan Prihatin daripada M. Kulasegaran.

meningkatkan kemajuan industri sawit bagi menjana ekonomi negara.

"Selain kemudahan perubatan yang disediakan oleh klinik panel dan hospital pakar kepada kakitangan, MPOB juga menyediakan insurans berkelompok bagi perlindungan dan manfaat kepada kakitangan semasa menjalankan tugas serta sumbangan khas bagi kematian, kecemasan dan bencana.

Katanya, kakitangan MPOB boleh menikmati kemudahan rumah rehat yang disediakan di beberapa lokasi dalam negara bagi percutian bersama keluarga, pengiktirafan anak kakitangan yang cemerlang, pusat penyusunan bayi dan tadika, kuarters kakitangan dan rumah sewa untuk kakitangan dengan

dengan kadar yang berpatutan serta kemudahan pinjaman oleh Koperasi MPOB.

"Setiap tahun MPOB memberi pengiktirafan kepada kakitangan melalui pelbagai anugerah dalaman yang meliputi bidang saintifik dan pengurusan. Sebanyak 18 kategori anugerah disediakan termasuk anugerah kecemerlangan penyelidikan, saintis terbaik, penerbitan terbaik, bank idea yang mengiktiraf kecemerlangan dan pencapaian kakitangan," katanya.

MPOB menyediakan Anugerah Bank Idea bagi mengalakkan penglibatan kakitangan menyumbang idea baharu untuk penambahbaikan perkhidmatan dan sistem penyampaian kepada pihak industri

sawit serta aspek lain meliputi usaha meningkatkan kebajikan kakitangan.

Bagi menghargai kakitangan yang setia mencurahkan perkhidmatan, MPOB turut memberi pengiktirafan melalui Anugerah Khidmat Emas kepada kakitangan yang mencapai tempoh perkhidmatan selama 25 tahun dan Anugerah Khidmat Bakti kepada yang berkhidmat selama 15 tahun.

MPOB juga memberi penghargaan kepada kakitangan yang bersara dari perkhidmatan yang diraikan dalam majlis anugerah tahunan.

Konsep majikan prihatin dan masyarakat penyayang dilaksanakan MPOB sejak penubuhannya akan dilaksanakan secara berterusan.

# Biodiesel B7 untuk industri sawit mulai 1 Julai

Oleh Nursyairah Abd Jalil

nursyairah@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: Penggunaan biodiesel B7 iaitu 7% biodiesel sawit dengan 93% diesel petroleum, apabila dilaksanakan di seluruh sektor industri pada 1 Julai 2019 kelak akan tertakluk pada pergerakan harga secara adil.

Biodiesel boleh menjadi lebih mahal atau lebih murah daripada diesel petroleum bergantung kepada kuasa pasaran.

Demikian kata Menteri Industri Utama, Teresa Kok ketika berucap pada Seminar Pelaksanaan Program Biodiesel B7 anjuran bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Federation of Malaysian Manufacturers (FMM), di sini, baru-baru ini.

Katanya, sama seperti diesel petroleum, harga adunan biodiesel berubah setiap hari bergantung kepada bekalan dan permintaan.

Berikutan komposisi adunan B7 mengandungi kandungan diesel petroleum yang tinggi sehingga 93%, maka harga B7 akan lebih dipengaruhi oleh pergerakan minyak mentah Brent, berbanding pergerakan harga minyak sawit.

Menyentuh mengenai kesesuaian enjin, Teresa berkata, secara umumnya enjin jentera dan mesin yang digunakan oleh sektor industri adalah lebih tahan lasak (robust) berbanding enjin kenderaan yang sedang menggunakan B10 pada masa kini.

Katanya, pada dasarnya semua enjin industri boleh menggunakan B7, berikutan kebanyakan pembuat atau pengeluar enjin memberi waranti sehingga B20 pada masa ini.

"Pengecualian penggunaan B7 boleh dipohon melalui Kementerian Industri Utama sekiranya jentera atau enjin sudah terbukti oleh pengeluar tidak boleh menerima B7," katanya.

Beliau menambah, pengenalan program B7 di sektor industri akan menggunakan 230,000 tan biodiesel sawit setahun yang akan menyumbang kepada pelepasan GHG sebanyak 690,000 tan karbon dioksida (CO2) setara setahun.

"Malaysia perlu komited untuk mengurangkan jejak karbon dan pencemaran alam sekitar. Melalui penggunaan sumber boleh diperbaharui seperti biodiesel sawit, Malaysia dapat memainkan peranannya dalam pembangunan mampan," katanya.



Pengecualian penggunaan B7 boleh dipohon melalui Kementerian Industri Utama sekiranya jentera atau enjin sudah terbukti oleh pengeluar tidak boleh menerima B7"

Teresa Kok, Menteri Industri Utama

# Malaysia tolak dakwaan musnah hutan untuk sawit

➔ Kerjasama MPI, kerajaan negeri Sabah untuk tanam satu juta pokok hutan dalam 10 tahun

Oleh Noor Asmawati Abdul samad

watie@mpob.gov.my

► Cheras

**K**ementerian Industri Utama (MPI) menolak dakwaan yang Malaysia memusnahkan hutan semula jadi dan hidupan liar.

Menterinya, Teresa Kok berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perhimpunan MPI, di sini, baru-baru ini.

Katanya, MPI melalui Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) sudah menyerahkan sumbangan berjumlah RM1.5 juta kepada Jabatan Hidupan Liar Sabah untuk



Teresa menanam pokok hutan di Hutan Simpan Supu, Kinabatangan, Sabah.

disalur kepada Pusat Pemuliharaan Orang Utan Sepilok. Sumbangan diserahkan ketika lawatan beliau ke Sabah pada awal April lalu.

“Selain itu, kementerian juga akan bekerjasama dengan kerajaan negeri Sabah bagi penanaman semula satu juta pokok hutan di kawasan hutan yang dikenali dalam tempoh 10 tahun. Inisiatif ini akan menggalakkan pemeliharaan hutan,” katanya.

Beliau turut mengulas men-

genai kempen Sayangi Sawitku yang semakin dipergiat bagi meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat terhadap sumbangan industri sawit serta menanamkan rasa kecintaan terhadap minyak sawit keluaran Malaysia.

Katanya, pelbagai usaha dijalankan termasuk mengadakan perjumpaan dengan Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah dan agensi pelancongan di Kota Kinabalu bagi membincangkan mengenai

kempen berkenaan, baru-baru ini.

“Sambutan berkaitan kempen Sayangi Sawitku ketika lawatan ke Sabah amat memberangsangkan,” katanya.

**Sambutan baik**

Teresa berkata, MPI turut mengadakan pameran di Parlimen Malaysia yang memabatkan demonstrasi penggunaan minyak sawit merah dan santan sawit, penerangan mengenai produk berasaskan sawit dan edaran risalah berkaitan sawit.

“Kempen mendapatkan sambutan baik, lebih 50 Ahli Parlimen termasuk Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang menandatangani plakat sebagai tanda sokongan kempen Sayangi Sawitku,” katanya.

Beliau percaya, kempen itu berjaya meningkatkan kesedaran dalam kalangan Ahli Parlimen mengenai kebaikan dan kegunaan minyak sawit apabila ramai yang mencuba minyak sawit merah serta produk berasaskan sawit seperti cendol yang menggunakan santan sawit.

“Taklimat berkaitan kempen Sayangi Sawitku turut diadakan kepada Ahli Dewan Rakyat dan hasilnya ada yang menyatakan hasrat untuk turut mempromosi minyak sawit di kawasan Parlimen masing-masing,” katanya.

Majlis Perhimpunan Bulanan berkenaan turut dihadiri Ketua Setiausaha MPI, Datuk Dr Tan Yew Chong, Ketua Pengarah Agensi dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis serta kakitangan MPI.

# Arab Saudi berpotensi jadi hab minyak sawit Malaysia

Oleh Johari Minal

johari@mpob.gov.my

**Jeddah:** Arab Saudi berpotensi dijadikan hab minyak sawit Malaysia ke rantau Asia Barat dan Afrika Timur berdasarkan kedudukannya yang strategik, di samping wujudnya perjanjian perdagangan bebas dengan negara teluk.

Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin, berkata Arab Saudi adalah pasaran baharu untuk mengeksport minyak sawit berikutan ketegangan dalam eksport minyak sawit ke pasaran Eropah.

“Pada masa ini, Arab Saudi adalah rakan kongsi kedua terbesar di Malaysia di Timur Tengah dan perkongsian perniagaan sudah muncul dalam pembinaan, pembangunan halal, aeroangkasa dan perkhidmatan haji,” katanya.

“Arab Saudi boleh dijadikan hab minyak sawit Malaysia di Asia Tengah dan Afrika Barat berdasarkan kedudukannya yang strategik, di samping wujudnya perjanjian perdagangan bebas dengan negara teluk.

Katanya, pelaburan di Arab Saudi menjanjikan pasaran besar. Minyak sawit dalam pek pengguna boleh dipasarkan di negara Afrika Barat dan juga negara lain di Afrika



Datuk Seri Shamsul Iskandar berucap di POTS Saudi 2019.

di samping negara Asia Barat, termasuk negara teluk.”

“Arab Saudi adalah rakan dagang kedua terbesar di Asia Barat dengan dagangan dua hala bernilai lebih RM20 billion,” katanya pada majlis perasmian Ekspo Perdagangan dan Seminar Malaysia-Arab Saudi 2019 (POTS Saudi 2019), di sini, baru-baru ini.

**Eksport Malaysia**

Minyak sawit dan produk berasaskan sawit, elektrik dan elektronik, jentera, peralatan dan makanan yang diproses adalah antara

eksport Malaysia ke Arab Saudi dan sebagai balasan, eksport minyak Arab Saudi dan minyak, kacang, plastik, bahan kimia organik, aluminium, sabun dan lilin, tembaga, jentera dan buah-buahan yang boleh dimakan kering ke Malaysia.

“Eksport hasil minyak sawit Malaysia ke Arab Saudi pada tahun 2018 berjumlah 570,870 tan metrik yang bernilai kira-kira RM1.2 billion. Ini menyumbang hampir dua peratus daripada jumlah eksport keluaran minyak dan produk sawit Malaysia,” katanya.

“Penganjuran POTS pertama bagi tahun 2019 di Jeddah adalah bukti bahawa Malaysia komited sepenuhnya dalam pasaran ini dan kami berharap acara ini akan menyediakan platform untuk menarik usahawan baharu sambil meneroka peluang kerjasama sedia ada,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Dewan Perdagangan Jeddah, Sheikh Mazen Batterjee memberi jaminan akan bekerjasama untuk meningkatkan pelaburan dan perdagangan antara Malaysia dan Arab Saudi.

POTS Saudi dianjurkan bersama oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Dewan Perniagaan dan Industri Jeddah.

POTS Saudi dihadiri 200 peserta terdiri pengimport, pengilang minyak dan lemak, pengilang makanan dan pegawai kerajaan dari jabatan berkaitan.

**Kebaikan sawit**

Pada POTS Saudi, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din yang membentangkan mengenai pemakanan minyak sawit berkata, penyediaan ke atas nilai pemakanan minyak sawit yang dijalankan di Amerika, Eropah, Australia dan negara lain mendapati, minyak sawit adalah baik untuk kesihatan serta setanding dengan minyak zaitun, minyak bunga matahari dan kanola dari segi kesan ke atas kolesterol.

“Malah minyak sawit adalah lebih baik kerana mempunyai asid lemak tepu dan tidak tepu yang seimbang disamping kandungan tokotrienol yang tinggi,” katanya.

Selain seminar, delegasi turut melawat King Abdullah Abdullah Economic City yang menempatkan pelabuhan baharu di Jeddah. Pelabur Malaysia disaran memanfaatkan pelabuhan tersebut untuk pasaran tempatan dan eksport.

# Kerajaan gesa pekebun kecil patuhi MSPO

➔ Tanggungjawab pengusaha sawit bidas kempen anti minyak sawit

Oleh Siti Nurhajar  
Mariam Wan Jaafar  
nurhajar@mpob.gov.my

## ► Teluk Intan

Lebih 650,000 pekebun kecil sawit di seluruh negara diwajibkan memiliki Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) menjelang Januari 2020 bagi membolehkan minyak sawit diterima di pasaran antarabangsa.

Menteri Industri Utama, Teresa Kok berkata, ia kerana minyak sawit Malaysia kini perlu mematuhi permintaan negara luar terutama di Eropah yang menetapkan syarat hanya akan membeli minyak dan produk sawit yang memiliki pensijilan mampan.

Dalam ucapannya pada program Taklimat MSPO dan sesi dialog bersama pekebun kecil di Sitiawan dan Teluk Intan, beliau



Teresa menghadiri taklimat kepada pekebun kecil di Teluk Intan.

berkata, kerajaan memandang serius dalam memastikan pekebun kecil mendapat pensijilan MSPO.

“Kita sedang berhadapan dengan tohmahan negatif negara luar yang mendakwa industri sawit Malaysia menyumbang kepada penyahhutan dan menyebabkan kepupusan spesies terpelihara seperti Orang Utan.

“Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Industri Utama (MPI) mengambil pelbagai langkah untuk memperkenalkan dan melaksanakan MSPO dalam usaha memastikan kualiti minyak sawit Malaysia adalah bertaraf lima bintang tanpa menjejaskan alam sekitar dan hidupan liar,” katanya dalam sesi taklimat yang disampaikan.

Ketika taklimat, beberapa video tidak berasas kempen anti minyak sawit yang disebarkan di laman sosial oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang tidak bertanggungjawab turut ditayangkan.

## Patuhi piawaian

Katanya, justeru menjadi tanggungjawab semua pengusaha sawit untuk membidas kempen sedemikian dengan memastikan semua aktiviti industri sawit mematuhi piawaian MSPO.

Teresa turut menegaskan, pekebun kecil yang mengusahakan ladang dengan keluasan kurang daripada 40 hektar, kerajaan akan menampung 100 peratus kos pengauditan dan membina kemudahan penyimpanan untuk

racun perosak dan baja toksik, pembelian peralatan pelindung diri, latihan dan dokumentasi.

“Bagi ladang sawit dengan keluasan kurang 1,000 hektar, kerajaan akan menanggung kos pensijilan sebanyak 70 peratus, manakala bagi ladang besar berkeluasan lebih 1,000 hektar, kerajaan akan menampung kos pensijilan sebanyak 30 peratus.

Sesi taklimat dan dialog yang diadakan di Sitiawan dan Teluk Intan turut disertai oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MPI, Toisin Gantor, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pensijilan Minyak Sawit Mampan (MPOCC), Chew Jit Seng dan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir.

# CPOPC bantah ‘Delegated Regulation’ Kesatuan Eropah

Oleh Dr Puah Chiew Wei  
cwpuah@mpob.gov.my

**Brussels, Belgium:** Majlis Negara Pengeluar Minyak Sawit (Council of Palm Oil Producing Countries - CPOPC) menyuarakan bantahan terhadap 'Delegated Regulation' Kesatuan Eropah (EU) mengenai risiko 'indirect land use change' (ILUC) bio bahan api dalam Renewable Energy Directive (RED II).

Misi yang disertai wakil negara ahli CPOPC iaitu Malaysia, Indonesia dan Colombia diadakan pada awal 8 dan 9 April lalu.

Delegasi Malaysia diwakili oleh Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama (MPI), Datuk Dr Tan Yew Chong, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Datuk Dr Kalyana Sundram; dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia, Chew Jit Seng serta pegawai kanan MPI, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan MPOC.

Delegasi Indonesia pula diketuai oleh Menteri Koordinator Bidang

Perekonomian Indonesia, Darmin Nasution manakala delegasi Colombia oleh Duta Besar Colombia di Belgium, Felipe Garcia.

Pada misi berkenaan, delegasi CPOPC mengadakan pertemuan dengan entiti utama di bawah EU iaitu wakil Parlimen Eropah, Majlis Kesatuan Eropah dan Suruhajaya Eropah yang terbabit dalam penggubalan dasar serta perundangan.

## Surat bantahan

Delegasi CPOPC mengadakan pertemuan dengan Naib Presiden Parlimen Eropah, Heidi Hautala dan menyampaikan surat bersama yang ditandatangani oleh Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Republik Indonesia, Joko Widodo.

Ia menyuarakan bantahan terhadap peraturan tambahan itu digubal berdasarkan fakta tidak tepat dan menyeluruh menyebabkan minyak sawit disisih serta dianggap sebagai bahan suap berisiko tinggi ILUC.

Tindakan ini berisiko melanggar peraturan Pertubuhan

Perdagangan Dunia (World Trade Organization - WTO).

Selain itu, mesyuarat dengan Ketua Pengarah, Alam Sekitar, Pendidikan, Pengangkutan dan Tenaga, Majlis Kesatuan Eropah, Dr Jaroslav Pietra turut diadakan yang bertujuan mendapatkan perkembangan terkini negara anggota Kesatuan Eropah (EU) berkenaan perintah tambahan itu.

Delegasi CPOPC dimaklumkan bahawa tiada bantahan yang diterima daripada negara anggota EU sejak 'Delegated Regulation' dikemukakan untuk pertimbangan selepas diterima pakai oleh Suruhajaya Eropah.

Mesyuarat bersama dua Pesuruhjaya Kesatuan Eropah iaitu Pesuruhjaya untuk Tindakan Iklim dan Tenaga, Miguel Arias Canete, dan Pesuruhjaya Kesatuan Eropah untuk Alam Sekitar, Maritim dan Perikanan, Karmenu Vell turut diadakan.

## Buat persediaan

Suruhanjaya Eropah menekankan, perintah ini bertujuan mengurangkan pelepasan gas rumah



Mesyuarat di antara CPOPC dengan Naib Presiden Parlimen Eropah, Heidi Hautala di Brussels.

hijau dan menangani masalah perubahan iklim dunia serta menekankan bahawa proses kajian semula perintah itu akan dilaksanakan pada bulan Jun 2021.

Dalam hal ini, negara pengeluar minyak sawit disaran mengemukakan data saintifik untuk pertimbangan dan menyarankan supaya Malaysia dan Indonesia menangani isu minyak sawit melalui kumpulan kerja bersama ASEAN-EU yang akan ditubuhkan.

Delegasi CPOPC menyuarakan

bantahan keras melalui pihak media di Brussels, Belgium. Malaysia juga mengambil kesempatan memberi penerangan berkaitan pembangunan mampan industri sawit negara serta berkongsi usaha yang dilaksanakan dalam memulihara alam sekitar termasuk hutan hujan tropika dan biodiversiti.

Secara keseluruhannya, misi bersama ini menyampaikan bantahan keras negara pengeluar minyak sawit terhadap 'Delegated Resolution' yang menyisihkan minyak sawit.

# Kawalan lemak pengguna minyak sawit, minyak zaitun setanding

Kajian sains dapati kedua-duanya tidak beri kesan terhadap berat badan

Oleh Dr Laziana Ahmad  
laziana@mpob.gov.my

Saintis mendapati, minyak sawit dan minyak zaitun tidak memberi kesan kepada profil lemak badan.

Kajian dilakukan oleh saintis di Southeast University, China, diketuai Prof Sun Guiju ke atas 120 peserta yang terdiri daripada pekerja kilang tekstil di Daerah Jiangsu, China.

Peserta lelaki dan perempuan dipilih berdasarkan umur daripada 25 hingga 55 tahun, tidak menyusu dan mengandungi serta mempunyai julat indeks jisim tubuh (BMI) antara 18.5 hingga 24.9 kg/m<sup>2</sup>.

Peserta juga disaring berdasarkan status kesihatan ideal dan bebas daripada sejarah keluarga yang menghadapi penyakit jantung, diabetes, darah tinggi, dislipidemia, penyakit buah pinggang, hepatitis dan kanser serta mempunyai tahap komponen lemak seperti trigliserida, jumlah kolesterol, lipoprotein berkepekatan rendah (LDL-C), lipoprotein berkepekatan tinggi (HDL-C) dan tahap glukosa yang normal.

Peserta dibahagikan kepada dua kumpulan secara rawak iaitu kumpulan yang mengambil diet yang disediakan menggunakan minyak sawit dan minyak zaitun secara bersilang selama 10 minggu diselang-seli dengan dua minggu fasa penangguhan (*wash-out period*).

Ahli kumpulan yang diberikan diet minyak sawit pada lima minggu pertama kajian dikekalkan dan diberikan diet minyak zaitun selama lima minggu seterusnya untuk memelihara saiz sampel kajian serta mengurangkan variasi individu ketika kajian.

### Diet dikawal

"Ketika fasa penangguhan pertama (*run-in period*), jumlah keperluan tenaga melalui diet dikawal dan disediakan mengikut tahap dasar yang dicadangkan oleh Chinese Dietary Reference Intake (DRIs). Diet yang sama disediakan ketika

sesi penangguhan kedua (*wash-out period*)," kata Prof Guiji mengenai kajiannya.

"Sesi penangguhan (*run-in dan wash-out period*) dilakukan sebelum dan di antara kajian ini bertujuan, mengelakkan kesan bawa ke depan (*carryover effect*) yang boleh mempengaruhi ketepatan kajian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk *Dietary Reference Intakes for Oils and Fats in China and Effects of Different Oils on the Human Serum Lipid Profile in Chinese Population* sempena *Nutrition Seminar-Living Healthy with Malaysian Palm Oil* anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di Putrajaya.

"Semua peserta dikehendaki mengambil makanan yang disediakan di kantin kilang berkenaan dan digalakkan untuk menghabiskan makanan serta melaporkan sisa makanan kepada penyelidik untuk tujuan rekod dan sukatan.

"Kedua-dua jenis minyak digunakan dalam eksperimen ini dibeli daripada pasar raya dan komposisi asid lemak dianalisa dalam makmal sebelum digunakan," katanya.


Guijin berkata, kajian ini bertujuan untuk membandingkan kesan pengambilan makanan yang disediakan menggunakan minyak sawit dengan minyak zaitun, diketahui tinggi khasiatnya.

Kajian ini diluluskan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Klinik Hospital Zhongda dengan kolaborasi Southeast University, China.

### Rumusan kajian

"Masyarakat di China mencatatkan peningkatan kadar obesiti dan penyakit berbahaya seperti diabetes, tekanan darah tinggi dan penyakit jantung yang ketara berbanding 20 tahun yang lalu.

"Penyumbang utama penyakit ini adalah corak pemakanan berminyak yang diamalkan dalam diet masyarakat Cina. Kajian menunjukkan, secara purata masyarakat di China menggunakan lebih 42 gram minyak sehari untuk tujuan



Masyarakat di China mencatatkan peningkatan kadar obesiti dan penyakit berbahaya seperti diabetes, tekanan darah tinggi dan penyakit jantung yang ketara berbanding 20 tahun yang lalu"

Prof Sun Guiju, Saintis Southeast University, China



masakan. Oleh itu, kajian minyak yang berkhasiat yang mampu mengawal kesihatan badan adalah penting," katanya.

"Hasil kajian ini mengukuhkan beberapa penyelidikan sebelum ini. Pada 1997, kajian ke atas 120 lelaki sihat berusia antara 18-25 tahun dilakukan oleh saintis di Institut Nutrisi dan Kesihatan Makanan, Akademi Perubatan Pencegahan Cina di Beijing, China.

"Dalam kajian itu, 120 peserta dibahagikan kepada empat kumpulan yang mengambil diet disediakan menggunakan minyak sawit, minyak soya, minyak kacang tanah dan lemak babi (*lard*), selama enam minggu selepas tiga minggu tempoh

penangguhan (*run-in period*)".

"Hasil kajian menunjukkan, jumlah kolesterol di dalam darah dan tahap LDL-C bagi peserta kategori minyak sawit telah berkurangan, masing-masing mencatat sebanyak 6.7% dan 13.1%.

Peserta kategori lemak babi pula mengalami peningkatan jumlah kolesterol di dalam darah dan tahap LDL-C iaitu sebanyak 22.8% dan 30.7%," katanya.

Prof Guiju merumuskan, bahawa minyak sawit mempunyai kesan yang setanding dengan minyak zaitun terhadap profil lemak dalam darah dan tidak memberi kesan terhadap berat badan peserta yang terbahagi dalam kajian beliau.

## Minyak sawit tiada kaitan dengan penyakit jantung

Oleh Noor Asmawati  
Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

**Putrajaya:** Beberapa pengkritik mendakwa bahawa minyak sawit dikaitkan dengan penyakit jantung dan lain-lain penyakit tidak berjangkit.

Tetapi seorang ahli biokimia pemakanan menunjukkan bahawa banyak kajian membuktikan bahawa lemak tepu mungkin tidak memberi kesan kepada risiko penyakit jantung.

Prof Dr Pramod Khosla dari Jabatan Pemakanan dan Sains Makanan Universiti Wayne State University berkata, banyak kajian sedemikian muncul sejak tahun 2011.

Beliau menambah minyak sawit

adalah minyak yang seimbang dengan jumlah yang sama lemak sawit tepu dan tak tepu.

"Penyakit jantung berkembang selama bertahun-tahun dan ini bukan hasil daripada satu komponen pemakanan," katanya ketika membentangkan kertas kerja bertajuk *Palm Oil: A Nutritional Overview* sempena *Nutrition Seminar - Living Healthy with Malaysia Palm Oil* anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di sini, baru-baru ini.

Seminar itu adalah sebahagian inisiatif kempen Sayangi Sawitku yang dilancarkan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 24 Mac lalu.

Malah, Dr Khosla mengatakan bahawa salah satu penyumbang utama penyakit jantung adalah terlalu banyak garam, yang boleh

menyebabkan hipertensi iaitu faktor utama risiko penyakit jantung.

Beliau berkata, adalah disyorkan diet yang sihat terdiri daripada makan banyak makanan yang berlainan, dan minyak sawit boleh menjadi sebahagian daripada diet yang sihat.

### Garis panduan


Dr Khosla berkata sehingga 50 gram (gm) minyak sawit boleh ditambah kepada jumlah keseluruhan diet untuk memenuhi garis panduan diet untuk orang yang sihat. Itu boleh membentuk 50% hingga 60% daripada jumlah lemak diet.

"Lemak termasuk makanan dari sumber yang tidak dapat dilihat, seperti pastri, kuih, susu, daging dan minyak sawit boleh membentuk 50gm daripada jumlah keselu-



Dr Pramod Khosla ketika membentangkan kertas kerja berkaitan khasiat minyak sawit.

Kaedah kajian yang dijalankan oleh kumpulan penyelidik Prof Guiju, Southeast University, China.



**TOT 2019**

**25th MPOB TRANSFER OF TECHNOLOGY SEMINAR & EXHIBITION**

TUESDAY, 9 JULY 2019  
MPOB HEAD OFFICE, BANGI, SELANGOR

### WHAT IS TOT?

It is the transfer of new MPOB R&D findings from bench to the market place. The new technologies and services are offered to the oil palm industry for adoption and commercialisation. TOT seminar contributes towards energising the industry with innovations and opportunities in wealth creation.

### TARGET AUDIENCE

- Entrepreneurs
- Small and Medium Scale Entrepreneurs (SMEs)
- Planters, Agriculturists
- Engineering Professionals
- R&D Personnel/ Scientists
- Food Technologists, Chemists
- Millers/ Traders/ Processors
- Manufacturers
- Anyone associated with the palm oil/ oil palm industry

### EVENT HIGHLIGHTS

- Launch of the new technologies:
- Plantation
  - Biotechnology
  - Milling and Processing
  - Oleochemical
  - Food Technology
- Exhibition on new products and services

Technical enquiries, please contact:

**Dr Anis Mokhtar**  
Tel: 03-8769 4574

**Suraya Mohamad**  
Tel: 03-8769 4579

E-mail: [tot@mpob.gov.my](mailto:tot@mpob.gov.my)

**PIPOC 2019**

**MPOB INTERNATIONAL PALM OIL CONGRESS AND EXHIBITION (PIPOC) 2019**

**Theme: BALANCING SUSTAINABILITY PILLARS**

**19-21 NOVEMBER 2019**

Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur, Malaysia

Join this prestigious event of 2019!

Organised by: Malaysian Palm Oil Board (MPOB)

Connect with us at: [pipoc@mpob.gov.my](mailto:pipoc@mpob.gov.my), [pipoc.mpo.gov.my](http://pipoc.mpo.gov.my)

6, Perjaran Institut, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

[www.mpo.gov.my](http://www.mpo.gov.my)

# Pakar dunia pantau penyelidikan sawit MPOB

➔ Mesyuarat tahunan selama seminggu sumbang idea penyelidikan, kritikan cadangan projek baharu

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

► Bangi

Pandangan dan idea baharu daripada pakar pelbagai bidang amat diperlukan bagi membantu industri sawit bergerak ke masa depan yang lebih baik serta maju.

Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Tan Sri Mohd Bakke Salleh berkata demikian, ketika berucap merasmikan Mesyuarat Ahli Penasihat Program (PAC) MPOB, di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, mesyuarat PAC adalah salah satu platform bagi merangsang dan menghasilkan idea baharu, inovasi dan penyelesaian untuk menangani pelbagai cabaran dihadapi oleh industri sawit, di samping membantu usaha penyelidikan serta pembangunan (R&D) MPOB.

Justeru, Mohd Bakke menggesa ahli PAC melihat gambaran lebih luas mengenai manfaat minyak



Mohd Bakke menghadiri perasmian Mesyuarat PAC.

sawit kepada dunia, khususnya sumbangan minyak sawit untuk keselamatan makanan, kesihatan, kualiti hidup dan persekitaran berhubung produktiviti pokok kelapa sawit berbanding penebangan hutan.

“Salah satu contohnya ialah beta karotena atau vitamin A yang banyak terdapat dalam minyak sawit dan murah untuk dihasilkan, tetapi belum digunakan sepenuhnya.

“Saya berharap, ahli PAC akan mengambil kesempatan pada mesyuarat ini untuk menilai kelebihan komersial menggunakan vitamin A dan vitamin E daripada

minyak sawit terhadap alternatif lain yang lebih mahal yang terdapat di pasaran.

## Tahun mencabar

Mohd Bakke berkata, 2018 terbukti menjadi tahun yang amat mencabar bagi industri minyak sawit Malaysia.

“Selain penurunan harga, industri minyak sawit juga menghadapi persepsi negatif dan terus dikaitkan dengan penebangan hutan dan kepupusan biodiversiti.

“Kempen anti sawit yang menyampaikan fakta salah mempengaruhi Parlimen Eropah untuk

menghentikan penggunaan minyak sawit dalam sektor pengangkutan menjelang tahun 2030.

Katanya, ‘Delegated Regulation’ yang diperkenalkan Suruhanjaya Eropah menafikan lagi minyak sawit dengan mengkategorikannya sebagai bahan makanan ‘risiko tinggi’.

“Peraturan ini juga menakrifkan semula pekebun kecil sebagai penanam yang mempunyai tanah pertanian kurang daripada dua hektar. Ini menjadikan kebanyakan, jika tidak semua pekebun kecil di Malaysia tidak layak di bawah peraturan ini.

Justeru, kerajaan Malaysia melalui pelbagai kementerian dan agensi termasuk MPOB, serta pemain industri berusaha gigih untuk mengatasi pelbagai cabaran dihadapi industri sawit.

“Bagi mengatasi kempen anti sawit dari EU dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), saya menyeru bantuan ahli PAC untuk melihat serius isu ini dan membantu industri mencari penyelesaian praktikal untuk menyelaraskan perbezaan antara negara pengeluar minyak sawit dan pengkritik serta untuk melindungi industri sawit daripada diskriminasi berterusan ini.

## Palmoilpedia salur maklumat sawit terkini

Oleh Muhammad Asyraf Hussin  
asyrafhussin@mpob.gov.my

**Bangi:** Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melancarkan satu medium terbaharu MPOB bagi penyaluran maklumat mengenai kebaikan minyak sawit kepada umum dalam bentuk portal info dikenali Palmoilpedia MPOB.

Laman portal ini dilancarkan sempena Seminar PAC 2019 pada 11 April lalu oleh Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din, di sini, baru-baru ini.

“Palmoilpedia adalah satu medium terkini yang diperkenalkan MPOB bagi menyampaikan maklumat kepada umum dengan

lebih ringkas dan mudah.

Katanya, portal ini menggabungkan keseluruhan maklumat berkaitan perkembangan teknologi dan kebaikan minyak sawit.

“Menjurus kepada perkembangan media sosial yang semakin pesat, maklumat yang dikongsikan melalui Palmoilpedia adalah lebih ringkas, tepat dan cepat.

“Maklumat disediakan portal ini adalah dalam bentuk infografik dan ‘teaser’ yang ringkas dan mudah difahami.

## Maklumat tersedia

Katanya, sebagai sokongan kepada kempen Sayangi Sawitku, MPOB melalui Palmoilpedia akan sentiasa memastikan maklumat yang dikongsi dikemaskini untuk rujukan orang ramai sama ada



Ahmad Kushairi

peringkat nasional atau antarabangsa.

Antara maklumat yang tersedia dalam portal ini adalah berkaitan perladangan, bioteknologi, pekebun kecil, pengilangan dan penapisan, pemakanan, oleokimia, pelesenan makanan berasaskan sawit dan pensijilan Minyak Sawit Maman Malaysia (MSPO).

Usaha membangunkan portal bermula sejak tahun 2017 dengan objektif menyalurkan maklumat kepada pihak industri dan masyarakat umum.

Idea membangunkan Palmoilpedia dicetuskan oleh Ketua Pengarah MPOB yang menjadikan

eksiklopedia sebagai sumber inspirasi.

Palmoilpedia ini mudah diakses melalui semua peranti dan direka bentuk untuk kegunaan di laman

sesawang atau dalam bentuk aplikasi.

Palmoilpedia boleh diakses melalui **palmoilpedia.mpo.gov.my**.

# Dana pinjaman mudah RM500 juta tanam semula sawit

➔ Bantu ringan beban kewangan dengan kadar faedah 2% setahun

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad

watie@mpob.gov.my

Putrajaya

Kerajaan menyediakan dana pinjaman mudah berjumlah RM500 juta kepada pekebun kecil sawit persendirian bagi membantu meringankan beban kewangan dalam melaksanakan tanam semula sawit.

Pinjaman ini disediakan kepada pekebun kecil dengan mengenakan kadar faedah yang rendah pada 2 peratus setahun.

Pengumuman tentang dana pinjaman dibuat melalui siaran media oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

Di samping itu, kerajaan juga memperkenalkan dana pinjaman mudah berjumlah RM50 juta dengan kadar faedah 2 peratus setahun bagi membiayai input dan bahan tanaman sawit yang disahkan dari baka yang berkualiti.

Usaha penggunaan anak benih yang berkualiti dan tanam semula sawit dijangka akan meningkatkan produktiviti dan sekali gus menambah pendapatan pekebun kecil.

Selain pinjaman mudah, kerajaan juga menambah jumlah peruntukan bagi tujuan pelaksanaan pensijilan Minyak Sawit Mampun Malaysia (MSPO) sebanyak RM100 juta bagi menggalakkan lebih ramai pengusaha sawit memperoleh sijil masing-masing menje-



Lim Guan Eng

lang pelaksanaan mandatori pada 1 Januari 2020.

Pada pembentangan Belanjawan 2019, kerajaan telah memperuntukkan RM30 juta bagi pensijilan MSPO.

### Tanggung kos pensijilan MPO

Di bawah peruntukan ini, kerajaan akan menanggung sepenuhnya kos pensijilan MSPO daripada 70 per-

### Fakta nombor

**RM500 JUTA** pinjaman mudah tanam semula

**RM50 JUTA** pinjaman mudah input dan bahan tanaman sawit

**RM100 JUTA** geran pensijilan MSPO

tus sedia ada bagi pengusaha sawit yang mempunyai ladang dengan keluasan 40 - 1,000 hektar.

Kerajaan juga akan menambag bantuan untuk kos pengauditan daripada 30 peratus kepada 50 peratus. Insentif akan dibayar setelah pengusaha berjaya memperoleh sijil MSPO.

Bantuan untuk pekebun kecil sawit diperkenal atas keprihatinan kerajaan terhadap keadaan semasa yang dihadapi pengusaha sawit berikutan harga komoditi sawit yang rendah.

Penyediaan dana pinjaman mudah dan bantuan, terutama kepada pekebun kecil untuk tanam semula selaras dengan komitmen kerajaan untuk menjamin kebajikan pengusaha sawit dan pada masa sama mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar sawit mampun utama dunia.

Bantuan dan dana pinjaman mudah kepada pengusaha sawit akan diselaraskan oleh Kementerian Industri Utama.

# Pensyarah demo minum minyak sawit merah

Oleh Siti Nurhajar Mariam Wan Jaafar

nurhajar@mpob.gov.my

**Chenor:** Pensyarah Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor (KVPC), menarik perhatian warga kolej dengan tindakan beberapa orang daripada mereka meminum satu sudu minyak sawit merah.

Tindakan pensyarah terbabit adalah sempena Program Negeraku Sawitku anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang diadakan di kolej berkenaan.

Pensyarah dan beberapa pelajar berbuat demikian selepas mendengar taklimat MPOB mengenai khasiat minyak sawit dan kempen 'Sayangi Sawitku'.

Kempen baru-baru ini tular dengan momokan warganet yang membuat aksi meminum sudu minyak sawit seperti seruan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika pelancaran kempen itu pada 24 Mac lalu.

### Sokong seruan kerajaan

Ketika pelancaran kempen, Perdana Menteri menyeru rakyat Malaysia untuk merasai sendiri khasiat minyak sawit dengan pengambilan satu sudu sehari.

Dalam taklimat yang disampaikan MPOB, warga kolej digesa untuk menyokong seruan meminum minyak sawit merah yang mengandungi khasiat pemakanan

yang baik.

Bagi membuktikan kempen itu, MPOB kemudiannya memberikan minyak sawit merah yang dibawa sempena program berkenaan dan diberikan sesudu kepada setiap pensyarah untuk merasai sendiri tekstur dan rasa minyak sawit merah.

Sebaik sesi taklimat ditangguhkan, ramai pelajar tertarik untuk mencuba dan melihat secara lebih dekat minyak sawit merah dan merasainya.

### Kali pertama rasai

Minyak sawit merah mampu mengurangkan kadar kolesterol, risiko sakit jantung, alzheimer selain membantu meningkatkan kesihatan otak.

Minyak sawit merah adalah baik untuk kesihatan mata kerana kandungan karotena terdapat di dalamnya selain turut mengandungi Vitamin E tokotrienol yang mampu melindungi diri daripada serangan strok.

Harga minyak sawit yang lebih murah berbanding dengan harga minyak lain seperti minyak kelapa, zaitun, soya dan bunga matahari adalah antara sebab mengapa ia harus dijadikan pilihan utama rakyat Malaysia.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik KVPC, Hasmah Ismail berkata, ini kali pertama beliau merasai sendiri minyak sawit merah dan tidak



Pensyarah KVPC minum minyak sawit merah sempena program Negeraku Sawitku di Chenor.

pernah terdedah dengan keajaiban minyak sawit, khususnya minyak sawit merah.

Kunjungan MPOB berjaya membuka mata warga KVPC mengenai keistimewaan minyak sawit.

Program Negeraku Sawitku di KVPC itu adalah sempena lawatan ke sekolah yang menyertai Pertandingan Mural Sambutan 100 Tahun Industri Sawit yang dianjurkan pada hujung tahun 2017.

Program lawatan berkenaan adalah yang ketiga selepas diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kompleks Seberang Takir, Terengganu pada Mac lalu.



# Pertandingan masak gaya hidup sihat dengan minyak sawit

➔ Terap nilai pemakanan sihat, pupuk generasi muda lebih berpengatahuan



**M**asakan Nasi Goreng Nanas Berulam Kasih, Ayam Pandan Umpetan Cikgu If dan Pulut Nangka Purnama Merindu membawa tuah kepada pasukan dari Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Makmur Sungai Besar, Selangor yang menjuarai Pertandingan Memasak EDUPALM Peringkat Kebangsaan: Gaya Hidup Sihat dengan Minyak Sawit Malaysia.

Pasukan dianggotai Muhammad Firas Dinnie Asrul Azmi, Damia Safia Mohamad Kamal dan Nur Fatehah Mohd Kamal berjaya membawa pulang hadiah wang tunai RM1000 untuk sekolah, wang tunai RM150 dan tiket KidZania untuk setiap ahli pasukan serta sijil penyertaan dan pencapaian.

Tempat kedua dimenangi sekolah tuan rumah, SK Bandar Seri Putra, Kajang manakala ketiga, dimenangi oleh SK Ampang Pecah, Kuala Kubu Baru.

Sekolah lain yang mengambil bahagian ialah SK Taman Sri Muda 2, Shah Alam, SK Taman Bukit Indah, Gombak, SK Puncak Alam 2, Shah Alam; SK Kampung Tunku, Petaling Jaya, SK Desa Setapak, Kuala Lumpur; SK Sultan Hishamuddin Alam Shah, Kuala Lumpur SK Convent Jalan Peel, Kuala Lumpur; SK Putrajaya Presint (1), SK Putrajaya Presint (2), SK Putrajaya Presint 16 (2), SK Puteri, Seremban dan SK Nuri, Johor.

Hadiah disampaikan oleh Timbalan Pengarah, Sektor Dasar Perancangan dan Penyelarasan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Suhaimi Sun Abdullah.

Turut hadir pada majlis penutup dan penyampaian hadiah ialah Ketua Unit Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Sazali Baharudin, Pengurus, Promosi & Penjenamaan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Razita Abdul Razak, Penyelia Kelab Persatuan dan Badan Beruniform, Unit Kokurikulum; Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat, Adis Jefri Abdullah dan Pengetua, Sekolah Kebangsaan Bandar Seri Putra, Mohamad Jamil Yahya.

**Beri kesedaran**

Suhaimi berkata, dengan adanya program seumpama ini, diharapkan pelajar akan menjadi lebih peka men-

genai khasiat pemakanan seharian yang banyak berhubung kait dengan minyak sawit.

Pada masa sama, dapat memupuk generasi muda agar lebih berpengatahuan mengenai sawit, iaitu salah satu komoditi utama negara.

“Dengan pengetahuan dan maklumat yang diperolehi melalui program hari ini, diharapkan guru, ibu bapa serta pelajar dapat memanjangkan kepada kawan, saudara-mara dan pelajar yang lain,” katanya.

Pertandingan Memasak EDUPALM Peringkat Kebangsaan: Gaya Hidup Sihat dengan Minyak Sawit Malaysia ini adalah salah satu program anjuran MPOC yang diadakan sempena Kempen Sayangi Sawitku. Ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran murid sekolah tentang khasiat dan kebaikan minyak sawit Malaysia.

Pertandingan yang berlangsung pada 27 April 2019, dirancang untuk murid Tahun 6, bagi memberi kesedaran mengenai minyak sawit seawal peringkat pra-remaja dan seterusnya memupuk penghargaan terhadap sumbangan industri sawit kepada ekonomi negara.

Sasaran program ini adalah untuk mengenengahkan khasiat dan kebaikan minyak sawit kepada semua terbabit serta memberi kesedaran terhadap pemakanan sihat dan nutrisi dari minyak sawit.

Aktiviti sampingan turut diadakan sempena pertandingan ini seperti taklimat kesihatan, pameran produk berasaskan sawit, kuiz silang kata dan demonstrasi masakan untuk pelajar yang hadir menyokong serta menyaksikan pertandingan itu.

Melalui aktiviti sampingan diadakan sempena program berlangsung, peserta dan tetamu dapat mengetahui dengan lebih lanjut mengenai minyak sawit Malaysia, termasuk khasiat kesihatan, peranan industri sawit terhadap alam sekitar serta sumbangan kepada ekonomi negara.

Pertandingan Memasak EDUPALM Peringkat Kebangsaan: Gaya Hidup Sihat dengan Minyak Sawit Malaysia 2019 ini merupakan kali kedua diadakan dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Sukan dan Seni, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pertandingan ini disertai oleh 15 sekolah dari Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Negeri Sembilan.



**Pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga bersama dengan guru pengiring masing-masing dan tetamu kehormat, Suhaimi (enam dari kiri), Sazali (lima dari kanan), Razita (enam dari kanan), Adis Jefri (empat dari kanan) dan Mohamad Jamil (tiga dari kanan).**



**Aktiviti sampingan** dijalankan seperti teka silang kata dan pusingan roda sawit.



**Pasukan dari SK Seri Makmur** sedang menyediakan masakan yang dipertandingkan.



**Pegawai MPOC** memberi taklimat mengenai minyak sawit dan pemakanan sihat kepada penyokong dari sekolah yang mengambil bahagian.



**Demonstrasi** masakan oleh Cef Florence Tan.

# Khasiat minyak sawit tiada tandingannya

**D**ewasa ini, kepantasan maklumat yang ditularkan di laman media sosial sememangnya membolehkan masyarakat menerima bulat-bulat maklumat tanpa tapisan.

Bagaimanapun, tidak semua disampaikan itu sahih. Contohnya, maklumat mengenai keburukan minyak sawit yang banyak ditularkan di media sosial sejak, akhir-akhir ini.

Khasiat minyak sawit sebenarnya, tiada tandingan dan tersendiri. Masyarakat harus memahami bahawa minyak sawit banyak khasiat yang boleh diketengahkan, sekali gus menangkis segala tohmahan negatif.

Seperti diketahui, minyak sawit mempunyai tiga posisi asid lemak iaitu asid palmitik, asid oleik dan asid linoleik. Jika ketiga-tiga asid digabungkan ia menghasilkan lemak mono tak tepu yang baik untuk kesihatan manusia.

Khasiat yang ada pada kandungan asid oleik terbukti secara saintifik boleh menghindarkan penyakit jantung selain mengekalkan paras kolesterol dalam darah.

Pertubuhan antarabangsa American Heart Association (AHA) turut mengakui terlalu banyak khasiat boleh diperolehi daripada minyak sawit. AHA juga mengesyorkan rakyat mengambil minyak sawit dalam makanan harian.

Bagi pengamal diet makanan rendah lemak, minyak sawit pilihan terbaik untuk diamalkan setiap hari kerana ia sebahagian pemakanan rendah lemak dan menghasilkan tenaga.

Pengamal terbukti akan menyekat paras kolesterol dalam darah. Kajian dijalankan mendapati, mi-



**PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

**Nur Adawiyah Fauzi**  
SMK Seri Dungun,  
Dungun, Terengganu



Bagi penggemar kecantikan semestinya, arif dengan terma saintifik vitamin E-tokotrienol. Kandungan semula jadi vitamin E yang tinggi dalam minyak sawit membolehkan kulit lebih sihat, bahkan melambatkan proses penuaan”

nyak sawit membantu meningkatkan paras kolesterol baik (HDL) dalam darah yang mengurangkan risiko penyakit jantung.

Bagi penggemar kecantikan semestinya, arif dengan terma saintifik vitamin E-tokotrienol. Kandungan semula jadi vitamin E yang tinggi dalam minyak sawit membolehkan kulit lebih sihat, bahkan melambatkan proses penuaan.

Kandungan karotenoid Pro-Vitamin A dalam minyak sawit juga tidak kurang hebatnya. Vitamin A dikatakan, dapat membantu mencegah risiko strok dan barah serta merawat masalah penglihatan.

Paling unik, minyak sawit yang digunakan dalam pengeluaran makanan tidak perlu melalui proses penghidrogenan. Ia adalah proses kimia yang menghasilkan lemak trans berbahaya kepada kesihatan pengguna.

Dengan kata lain, khasiat minyak sawit yang tidak perlu melalui proses ini dapat mengurangkan risiko penyakit jantung.

Deposit plak yang selalunya terkumpul di dalam arteri hingga menyebabkan serangan jantung juga sudah tidak timbul di sini. Ia disebabkan minyak sawit 100 peratus bebas proses penghidrogenan. Pelbagai khasiat minyak sawit tiada tandingan menyebabkan ia sesuai dalam aplikasi produk makanan dan bukan makanan.

Kesimpulannya, khasiat minyak sawit tidak dapat disangkal lagi kehebatannya. Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya bangga terhadap keupayaan minyak sawit dan berusaha sedaya upaya untuk meniadakan segala tohmahan negatif warga maya terhadap minyak sawit.

# Kempen Sayangi Sawitku didik masyarakat harga minyak sawit Malaysia

**Minyak** sawit berperanan penting dalam ekonomi Malaysia dan negara adalah pengeluar kedua terbesar di dunia selepas Indonesia.

Negara kita memiliki 5.85 juta hektar ladang kelapa sawit dan ia sumber pendapatan kepada 650 ribu pekebun kecil. Industri sawit mampu terus berkembang dan mencapai prestasi baik melalui usaha bersungguh-sungguh semua pihak terutamanya Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Inisiatif oleh Kementerian Industri Utama melaksanakan Kempen Sayangi Sawitku, harus dipuji oleh semua pihak.

Kempen ini adalah untuk menanam kebanggaan dan menghargai sumbangan serta kebaikan minyak sawit terhadap negara serta dunia.

Ia merangkumi aktiviti promosi dan fizikal di peringkat kebangsaan melalui elemen pendidikan yang menggabungkan daya tarikan visual, nilai estetika dan platform media sosial dengan memberi tumpuan kepada lima teras yang menjadikan minyak sawit Malaysia sebagai produk lima bintang.

Kempen ini juga secara tidak langsung membantu mempromosikan produk sawit kepada pengguna dan memberi pendedahan kepada rakyat Malaysia mengenai kebaikan serta peranannya dalam aspek pemuliharaan alam sekitar.

Kementerian Industri Utama menyasarkan peningkatan sebanyak 10 peratus dalam penggunaan domestik bagi produk



**PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM**

**Norhidayu Ahmad**  
Seri Kembangan, Selangor

sawit dan produk hiran berasaskan komoditi itu menerusi kempen Sayangi Sawitku.

Antara prinsip penting bagi kempen Sayangi Sawitku atau 'Love My Palm Oil' ialah Sayangi Rakyatku. Salah satu manfaat kelapa sawit ialah perladangannya dapat digunakan sebagai kunci untuk membasmi kemiskinan dan pengangguran rakyat.

Ini dibuktikan dengan produktiviti minyak sawit, pulangan ekonomi serta keperluan buruh yang meningkat sejak ia dikomersialkan di Malaysia.

Seterusnya, prinsip Sayangi Sawitku adalah berpandukan kepada teras Sayangi Makananku. Minyak sawit digunakan dalam hampir semua keperluan memasak. Ia bagus kerana minyak sawit stabil pada suhu tinggi dengan kurang mengeluarkan asap, percikan serta buih.

Malah, bahan masakan juga tidak mudah melekat pada peralatan memasak dan minyak sawit merah dihasilkan melalui proses penapisan khusus bagi mengekalkan kandungan pro-vitamin A (karotenoid) dan melindungi daripada penyakit jantung serta penularan kanser.

Tidak dinafikan, masih ada terpengaruh dengan tohmahan negatif yang mengaitkan pemakanan minyak sawit dapat memudaratkan kesihatan dan isu berkaitan iklan produk luar negara bagi alternatif kepada pilihan minyak masak, marjerin serta produk pengguna lain.

Justeru, inisiatif Kementerian Industri Utama membolehkan syarikat komersial teknologi MPOB untuk publisiti Kempen Sayangi Sawitku melalui label produk keluaran syarikat masing-masing, amat bertepatan dan satu pendekatan strategik.

Prinsip penting dalam kempen ini turut bertepatan Sayangi Negaraku. Malaysia adalah penanam dan pengeksport minyak sawit terbesar kedua di dunia. Di samping menyediakan ribuan peluang pekerjaan, ia turut membantu negara dari segi pulangan pendapatan tahunan yang konsisten bernilai berbilion ringgit.

Sejak 2010, industri sawit menyumbang pendapatan purata sebanyak RM68.4 bilion setahun. Kita harus berbangga dengan pencapaian negara melalui aktiviti industri sawit yang menaikkan nama Malaysia di mata dunia.

## PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN MEI 2019

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

**Kategori 1:**  
Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)  
**Tajuk:** “Kenali, sayangi, sanjung sawitku. Bincangkan”.

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;  
 ◎ Hadiah Pertama: **RM250**  
 ◎ Hadiah Kedua: **RM200**  
 ◎ Hadiah Ketiga: **RM150**

**Kategori 2:** Awam  
**Tajuk:** “Industri sawit berdepan pelbagai isu mencabar. Bincangkan langkah bagi menangani isu terbabit”.

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan JUN 2019 akan datang.

## Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan April 2019

**PEMENANG KATEGORI 1**  
Pelajar Sekolah Menengah

**Hadiah Pertama**  
Nur Adawiyah Fauzi  
SMK Seri Dungun,  
Dungun, Terengganu

**Hadiah Kedua**  
Muhammad Faris  
Zulhakim Kamarulzaman  
MRSM Kuala Terengganu  
Kuala Terengganu, Terengganu

**Hadiah Ketiga**  
Nurul Aisyah Ahmad Tarmizi  
SMA Syubbaniah,  
Batu Kurau, Perak

**PEMENANG KATEGORI 2**  
Awam

**Hadiah Pertama**  
Norhidayu Ahmad  
Seri Kembangan,  
Selangor

**Hadiah Kedua**  
Siti Balqis Md Nor  
Butterworth,  
Pulau Pinang

**Hadiah Ketiga**  
Moham Raj A/L  
Subaramaniam  
Seremban,  
Negeri Sembilan

## Syarat Penyertaan

- ◎ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
- ◎ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas.
- ◎ Bukan kakitangan MPOB.
- ◎ Panjang esei di antara 500 - 700 patah perkataan
- ◎ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, email (jika ada), nombor kad pengenalan, nombor telefon, nombor akaun bank/nama bank dan sekeping gambar ukuran pasport.
- ◎ Keputusan juri adalah muktamad.
- ◎ Tarikh tutup penyertaan ialah pada 22 Mei 2019.
- ◎ Hantarkan penyertaan ke alamat:  
**Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit, Ibu Pejabat MPOB 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor**  
u/p: **Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)**  
Emel: **watie@mpob.gov.my**



**Menteri Industri Utama, Teresa Kok** mendengar penerangan mengenai kapsul vitamin E sawit yang dipamerkan sempena Seminar Pemakanan di Putrajaya. Turut serta Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama, Datuk Dr Tan Yew Chong (dua dari kiri), Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Ahmad Kushairi Din (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC), Chew Jit Seng (tiga dari kiri).



**Pengerusi MPOB, Tan Sri Mohd Bakke Salleh** ketika menperkerusi Sesi Pleno sempena Mesyuarat Ahli Penasihat Program (PAC) MPOB di Putrajaya. Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama (MPI), Datuk Dr Tan Yew Chong (kiri) dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din (dua dari kanan) serta Timbalan Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir.



**Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin** menyampaikan buku terbitan MPOB bertajuk *The Palm Oil Saga* kepada Timbalan Presiden Dewan Perdagangan Jeddah, Sheikh Mazen Batterjee sempena Ekspo Perdagangan dan Seminar Malaysia-Arab Saudi 2019 (POTS Saudi 2019) di Jeddah. Turut kelihatan Datuk Dr Ahmad Kushairi Din (kanan), Pengerusi Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Datuk Lee Yeow Chor dan Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Datuk Dr Kalyana Sundram.



**Ahli Penasihat Program (PAC) MPOB** yang menghadiri mesyuarat tahunan selama seminggu bagi memantau dan mengulas cadangan projek penyelidikan baharu di Ibu Pejabat MPOB, Bangi.



**Menteri Industri Utama, Teresa Kok** ketika ditemubual pemberita sempena Seminar Pemakanan anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di Putrajaya.